

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara,
Tuan-Tuan Yang Terutama Ketua Perwakilan Asing,
Yang Berbahagia Ketua Pengarah Perjawatan,
Pengarah Instituti Tadbiran Awam Negara,
Tuan-Tuan serta saudara-saudara peserta
kursus sekalian.

Saya berasa sukacita pada hari ini kerana dijemput untuk melancarkan rancangan latihan asas bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Peluang ini dapat pula saya gunakan untuk berjumpa dengan sekumpulan pegawai-pegawai baru dalam perkhidmatan Kerajaan yang sebegitu besar jumlahnya.

277
~~45/79~~

2. Saya feiza ini adalah kali kedua Jabatan Perkhidmatan Iwan telah mengambil pegawai-pegawai baru dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN DI UPACARA PELANCARAN
KURSUS ASAS PERKHIDMATAN TADBIRAN DAN
DIPLOMATIK DI INSTITIUT TADBIRAN NEGARA,
PETALING JAYA PADA 5HB OGOS, 1974

JAM 9.30 PAGI.

Ini oleh kerana keperluan pentadbiran dan pentadbiran
nanti jadi kompleks dan pegawai-pegawai kerajaan
perlu dibina kebolehan dan pengetahuan yang cukup
untuk menjalankan kekhidmatan jabatan kerajaan
dalam mengendalikan rancangan pembangunan sosial
dan ekonomi negara kita.

2. Saya faham ini adalah kali kedua Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil pegawai-pegawai baru dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik seramai lebih daripada 200 orang. Ini adalah pertama kalinya semua pegawai-pegawai baru dikehendakki dilatih secara besar-besaran serta intensif sebelum mereka diberi tugas dan tanggungjawab sejajar dengan jawatan mereka. Kerajaan menyambut baik rancangan latihan seperti ini oleh kerana masalah pembangunan dan pentadbiran makin jadi kompleks dan pegawai-pegawai Kerajaan perlu diberi kemahiran dan pengetahuan yang cukup untuk menjaminkan kelicinan jentera Kerajaan dalam mengendalikan rancangan kemajuan sosial dan ekonomi negara kita.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN, iaitu Instituti Tadbiran Awam Negara, atas kegiatannya dalam memperkembangkan rancangan latihannya dari beberapa aspek pengurusan dan tadbiran pembangunan. Saya bangga kerana jumlah pegawai yang dilatih dalam tahun ini berlipat ganda daripada yang telah dilatih dimasa lepas. Demikian juga di dalam meninggikan mutu latihan itu supaya lebih berfaedah kepada Kerajaan amnya, dan perkhidmatan awam khasnya.

4. Kerajaan negara kita adalah diantara kerajaan yang amat stabil dan kukuh dikalangan negara yang membangun, malahan juga dikalangan negara yang telah maju. Sekarang ini dengan adanya pula Barisan Nasional sebagai asas politik negara, kestabilan serta kemajuan negara akan terjamin lagi. Dari segi pengalaman, maju atau mundurnya sesuatu negara itu

adalah bergantung semata-mata kepada sistem pemerintahan negara itu sama ada kerajaan itu progressif, kukuh, stabil dan mendapat sokongan rakyat ataupun sebaliknya.

5. Salah satu daripada sebab yang menjadikan negara kita kukuh dan progresif ialah sokongan kuat yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Pada umumnya, pegawai-pegawai Kerajaan dari segala peringkat telah menjalankan tanggung-jawab mereka dengan kesetiaan dan menunjukkan semangat atau 'motivation' yang tinggi mutunya. Mungkin ada pegawai-pegawai yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan peranan sebagai alat pelaksanaan dasar Kerajaan, tetapi bilangannya adalah kecil.

6. Oleh kerana semangat setia dan dedikasi itu, maka pegawai Kerajaan telah dapat memberi pandangan yang membina kepada menteri-menteri dan telah juga dapat melaksanakan rancangan kemajuan ekonomi dan sosial negara dengan berkesan.

7. Satu faktor lagi yang penting ialah perasaan saling percaya-mempercayai diantara pimpinan politik dan ahli tadbir. Pemimpin Kerajaan mempunyai kepercayaan penuh atas kesetiaan dan kebolehan perkhidmatan awam pada menjalankan tugas. Begitu juga pegawai Kerajaan telah membuktikan bahawa mereka memegang teguh amanah yang diletakkan oleh pemimpin politik itu.

8. Keadaan saling mengerti dan saling percaya ini adalah suatu jaminan kearah kemajuan dan kestabilan yang lebih lagi pada masa hadapan dan ia patutlah dipupuk dan dipelihara untuk selama-lamanya. Oleh itu, saya ingin menasihatkan pegawai-pegawai Kerajaan supaya terus memberi nilai khidmat yang baik demi kepentingan negara dan rakyat, oleh sebab kepentingan kita adalah sama.

9. Dalam pada itu, kita semua tidak patut menjadi 'complacent' dan berharap bahawa kebaikan dan kemajuan negara kita dapat mencapai dengan secara otomatik dan berlanjutan. Ada banyak lagi aspek pentadbiran negara yang patut diperbaiki. Ada banyak lagi aspek kemajuan negara yang patut disesuaikan sebelum kita dapat meninggikan lagi taraf penghidupan rakyat jelata. Ada banyak human factor yang perlu difahami oleh pegawai-pegawai kerajaan, khasnya saudara pegawai muda.

Ada banyak adjustment yang perlu dibuat oleh pegawai khasnya mereka yang berkhidmat diluar bandar. Oleh itu wajarlah bagi ahli politik dan pegawai Kerajaan terus bersama berganding bahu, bekerja dan berusaha untuk membangunkan negara kita ke puncak kemajuan yang setinggi-tingginya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

10. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan konsep berkecuali dalam perkhidmatan awam ataupun 'civil service neutrality'.

Saudara-saudara pegawai sekalian patut faham kita mengamalkan kerajaan berparti atau Party Government. Maksudnya parti menentukan dasar kerajaan dan pegawai-pegawai adalah alat melaksanakan dasar itu. Parti adalah memberi kerjasama supaya projek-projek dilaksanakan untuk faedah rakyat. Dalam hal ini pegawai Kerajaan tidaklah terlibat didalam kegiatan-kegiatan politik parti. Tetapi

pegawai-pegawai hendaklah faham bahawa konsep 'neutrality' ini bukanlah bermakna bahawa pegawai-pegawai Kerajaan akan dibebaskan daripada tanggungjawab politik (it does not mean that civil servants are free from political responsibility). Mereka sepatutnya menjadi lebih sensitif akan pergolakan, dan kemajuan politik di negara ini. Mereka hendaklah sensitif kepada cita-cita dan hasrat rakyat yang inginkan suasana politik yang aman dan tenteram sebagai asas kemajuan ekonomi dan sosial negara kita. Pendek kata, "Civil servants should be politically neutral and yet at the same time should be politically sensitive to national aspirations". Inisiatif mereka hendaklah ditumpukan kedalam lingkungan ini.

11. Peranan Kerajaan sekarang telah berubah didalam jangkamasa yang amat pendek. Dua puluh tahun dahulu peranan yang mustahak ialah untuk mengembalikan keamanan negara akibat dari Peperangan dan kegiatan pengganas komunis. Didalam tahun enam puluhan, peranan Kerajaan berubah bukan sahaja untuk menjamin keamanan negara tetapi juga memupuk dan memajukan ekonomi. Sekarang ialah era pembangunan dan Kerajaan bukan sahaja dikehendaki menjamin keamanan dan memajukan ekonomi tetapi juga mengambil bahagian dengan secara terusmenerus didalam semua kegiatan-kegiatan pembangunan termasuk perniagaan dan perindustrian.

...yang amat besar. Oleh itu, kita hendaklah menjamin supaya tiap-tiap ringgit yang diberi kepada Jabatan Kerajaan hendaklah mengeluarkan faedah yang berpatutan kepada rakyat..10/

12. Peranan yang makin luas dan makin bertambah ini juga dapat dilihat dari perkembangan jentera Kerajaan. Dalam tahun 1968, ditaksirkan bahawa ada seramai 200,000 pegawai-pegawai Kerajaan dari segala peringkat. Pada awal tahun 1974 jumlah pegawai Kerajaan telah meningkat menjadi 307,220 orang jumlahnya. Didalam jangkamasa 6 tahun sahaja, perkhidmatan awam telah bertambah sebanyak 50 peratus lagi.

13. Ini bermakna bahawa perkembangan peranan Kerajaan memerlukan usaha meninggikan daya pengeluaran atau 'productivity' perkhidmatan awam. Jentera pentadbiran dan perkhidmatan awam, oleh kerana perkembangannya sangat cepat memakan belanja yang amat besar. Oleh itu, kita hendaklah menjamin supaya tiap-tiap ringgit yang diberi kepada Jabatan Kerajaan hendaklah mengeluarkan faedah yang berpatutan kepada rakyat. Pegawai-

pegawai pula patutlah sedar bahawa tiap-tiap minit khidmat mereka, tiap-tiap usaha yang mereka berikan adalah mempunyai nilai tinggi dan tidak boleh disia-siakan.

14. Untuk masa hadapan banyak projek-projek baharu sedang dirancangkan. Approach baharu untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial secara maksima sedang juga dikaji dan disilidik. Development approach yang dijalankan sekarang juga dikaji semula supaya seimbang dengan keperluan rakyat dan peredaran masa. Pegawai-Pegawai muda patutlah memahami approach ini, secara mendalam. Saya percaya kursus ini ada hubungannya dengan kajian itu.

15. Pendek kata, segala kegiatan ini sedang dirancangkan supaya semua faedah pembangunan ekonomi akan benar-benar sampai terus kepada

rakyat jelata; kepada peladang, nelayan, pekerja, peniaga kecil dan sebagainya. Projek-projek pembangunan yang sedang dirancangkan itu juga akan menjamin bahawa faedah yang didapati dari punca-punca kekayaan yang baharu dapat disebarikan seluas-luasnya kepada rakyat dan tidak diberi kepada golongan kecil sahaja.

16. Untuk menyebarkan faedah dan kekayaan kita, Kerajaan dengan sedaya upayanya akan menumpukan perhatian yang penuh atas usaha meninggikan kepakaran perkhidmatan awam dan pengeluaran dayausaha jabatan-jabatan Kerajaan. Dalam hal ini, Pegawai-pegawai mempunyai satu mission, satu tumpuan hidup dan bukan semata-mata untuk makan gaji sahaja.

17. Rancangan latihan dikalangan pegawai-pegawai Kerajaan, terutama sekali dari segi pengurusan dan pentadbiran rancangan projek pembangunan, akan diperkembangkan lebih giat lagi dari masa yang lepas. INTAN, sebagai suatu institusi utama latihan dalam bidang pengurusan dan pembangunan telah diberi tugas penting dan ianya akan memainkan peranan yang lebih kritikal lagi di dalam tahun-tahun yang akan datang, terutama didalam jangkamasa Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Kerajaan sedar bahawa pentadbir yang baik ialah mereka yang terlatih. Latihan itu pula adalah yang disesuaikan dengan iklim politik, ekonomi dan sosial negara kita.

18. Rancangan telah dibuat supaya satu kampus baharu disediakan untuk INTAN bagi menambahkan lagi rancangan latihan dalam sektor awam supaya dapat mengatasi kekurangan kemahiran pegawai-pegawai

Kerajaan dari segi merancang dan melaksanakan projek pembangunan. Apabila kampus ini siap kelak dijangka lebih kurang 4,000 pegawai-pegawai akan diberi latihan dalam segala segi pengurusan, perancangan dan pemimpinan pada tiap-tiap tahun. Dengan ini perkhidmatan awam, terutama sekali diperingkat pertengahan dan atasan akan menjadi jentera Kerajaan yang paling moden sekali dikalangan negara-negara membangun. Ini bermakna bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi baru untuk mencapai matlamat jangka panjang sehingga tahun 1990 dalam menyusun semula masyarakat Malaysia tidak akan terjejas, bahkan akan dijamin supaya lebih berjaya lagi.

19. Didalam menyusun semula masyarakat Malaysia, dan didalam mencapai matlamat jangka panjang, suatu daripada tujuan Kerajaan ialah untuk mewujudkan peluang-peluang dimana penduduk-penduduknya dapat

berdiri diatas kaki sendiri. Masyarakat yang hendak diwujudkan itu akan mempunyai kepercayaan atas kemampuan dirinya sendiri dan yang boleh mengorak langkah dengan tidak payah dibimbing.

20. Dalam hal ini, perkhidmatan awam sebagai tulang belakang Kerajaan perlulah memainkan peranan yang lebih aktif lagi untuk mencapai objektif ini. Pegawai Kerajaan dikehendaki, didalam menjalankan tugas-tugas mereka, membantu rakyat jelata dalam membena institusi akarumbi (grass-roots institution), seperti perasatuan-persatuan peladang, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sebagainya. Institusi ini adalah suatu daripada faktor yang akan membolehkan rakyat jelata berdiri atas kakinya sendiri untuk mencapai kemajuan masing-masing.

21. Kemahuan manusia memang tidak terbatas. Tetapi sebaliknya pula keupayaan manusia sentiasa terbatas. Oleh itu, hendaklah kita sentiasa ingat bahawa cita-cita rakyat adalah lebih tinggi daripada keupayaan Kerajaan bagi mencapai cita-cita itu. Untuk mengurangkan jurang ini, rakyat jelata hendaklah digalakkan membena keupayaan mereka sendiri supaya dapat mencapai cita-cita mereka dengan secara berdikari. Ini bermakna bahawa strategi mencapai kemajuan negara hendaklah berdasarkan kepada dua unsur. Pertama, memperkukuhkan keupayaan kerajaan mencapai cita-cita rakyat. Kedua, memajukan keupayaan rakyat untuk menghasilkan cita-cita itu. Ini adalah suatu tanggungjawab perkhidmatan awam. Saudara-saudara yang menjadi anggota perkhidmatan awam patutlah menjadikan unsur ini sebagai petua berkhidmat.

22. Walaupun tanggungjawab perkhidmatan awam dalam usaha-usaha membangun ekonomi dan masyarakat kita makin lama makin kuat, namun kerajaan tidak juga lupa akan kepentingan dan kebajikan pegawai-pegawainya. Kerajaan tidak menganggap pegawai-pegawainya sebagai tenaga buruh untuk eksploitasi. Sebaliknya, Kerajaan menghargai pegawai-pegawai menganggap sebagai punca kemajuan yang patut dijaga mereka dan dipelihara.

23. Yang menjadi masalah ialah bahawa sebagai mana juga Kerajaan tidak dapat memenuhi semua cita-cita rakyat didalam masa yang singkat, begitu juga Kerajaan tidak dapat menemui semua permintaan pegawai-pegawai Kerajaan oleh kerana perbatasan-perbatasan kewangan. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai Kerajaan dimintalah bersabar sedikit didalam mengemukakan tuntutan mereka, terutama sekali didalam zaman inflasi ini.

24. Akhir kata, kepada pegawai-pegawai yang baharu sahaja dilantik kepada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, saya ingin menyatakan bahawa saudara-saudara semua telah memasuki suatu kumpulan yang penting di negara kita, iaitu kumpulan yang diberi tugas dan tanggungjawab yang istimewa. Oleh itu, saya ingin menyeru supaya berkhidmatlah dengan penuh minat serta kejujuran dan jagalah nama baik dan imej Kerajaan dikalangan rakyat jelata. Ingatlah bahawa negara ini bersifat multi-racial. Disamping itu, saya juga mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara atas kejayaan memasuki perkhidmatan pentadbiran yang agung dinegeri ini. Saya juga berharap peserta-peserta akan menjalani Kursus Latihan Asas ini dengan penuh keyakinan sebagai satu langkah yang pertama untuk melengkapkan diri dalam menjalankan peranan sebagai ejen-ejen perubahan.


Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

25. Dengan ingatan dan harapan ini saya dengan sukacitanya mengistiharkan peluncaran Kursus Asas ini dan berdoa kepada Tuhan atas keselamatan dan kejayaan saudara-saudara didalam penghidupan dimasa depan.

Terima kasih.



.....





No Siri	598
No Penerimaan	108/79